

18/09/1998

Baraj jadi tumpuan

Mohd Roji Abdullah

SKIM Pengawalan Sungai Sarawak (SSRS) di Demak Laut, Kuching, yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bukan sekadar bertindak sebagai sistem pengawalan pasang surut sungai, sebaliknya secara tidak langsung kini menjadi lokasi baru kaki pancing di bahagian berkenaan. Sejak pembinaan SSRS yang lebih dikenali sebagai baraj itu, pemancing mula mengalih tumpuan ke sana.

Hujung minggu misalnya, puluhan pemancing mencuba nasib menduga air Sungai Sarawak yang tenang di baraj itu.

Kehadiran ramai pemancing turut membuka peluang kepada peniaga kecil untuk membuka gerai minuman dan makanan ringan di sana.

Meskipun belum pasti menjadi lubuk ikan, pemancing tetap memenuhi baraj itu setiap hari. Selain sesuai untuk menghulur mata kail, mereka juga berpeluang menikmati pemandangan Sungai Sarawak yang tenang.

Seorang pemancing, Azizi Abdullah, berkata, meskipun mereka tahu baraj bukanlah lubuk ikan, mereka tetap ke sana kerana tempat itu sesuai untuk menenangkan fikiran, selain menanti rentapan ikan dengan penuh sabar.

"Air di sini tidak menentu, bila kunci air dibuka, air sungai akan mengalir dengan deras dan ia akan tenang semula dalam waktu yang agak lama."

"Selain itu, banyak batu yang digunakan ketika pembinaan baraj ini dahulu tersembunyi di dalam sungai. Batu itu akan menyebabkan kail tersangkut," katanya.

Bagaimanapun rakannya, Suhaimi Salleh dan Julian, pula mendakwa meskipun keadaan air sungai di baraj itu kadang-kadang mendatangkan masalah kepada pemancing, mereka pernah berjaya mendaratkan ikan senangin seberat dua kilogram beberapa minggu lalu.

(END)